Kerja pemunggahan pasir mengotorkan kawasan terbabit. - Gambar hiasan

Korek pasir secara haram

Pasir ialah bahan semula jadi yang terdiri daripada batu dan zarah galian kecil yang halus. Walaupun kecil, namun, pasir antara bahan komoditi yang terpenting kepada negara.

Pasir boleh digunakan untuk pelbagai perkara seperti menjadi bahan konkrit, kerja penambakan, penapis air dan pelbagai bahan lain. Namun, ada segelintir pihak atau individu bertindak khianat mengorek pasir tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mereka hanya mahu keuntungan bagi pihak mereka tanpa memikirkan kepentingan negara ataupun orang awam. Sekiranya kerja pengorekan pasir dilakukan tanpa pengawasan, ia dapat memberi kesan negatif kepada ekosistem.

Bilakah kerja korek pasir dilakukan?
Kerja mengorek pasir dilakukan pada waktu siang. Tetapi, ada kalanya aktiviti ini dilakukan pada waktu malam.

Siapakah yang melakukan kerja mengorek pasir?
Kebiasaannya, warga asing seperti warga Indonesia, Bangladesh yang melakukan kerja korek. Namun, ada juga kes di mana warga tempatan melakukan kerja ini.

Apakah alatan yang digunakan untuk kerja mengorek?
Jentera mengorek pasir (excavator) digunakan untuk mengorek pasir. Selepas pasir dikorek, ia akan dipindahkan ke dalam lori. Lori akan membawa pasir untuk jualan pihak industri.

Di manakah kerja mengorek pasir dilakukan di Selangor?
Kerja mengorek pasir dilakukan di Rawang, Kajang, Hulu Langat dan beberapa daerah lain di sekitar Selangor.

Pihak manakah yang mengorek pasir?
Sindiket haram yang mengorek pasir untuk tujuan menjualnya pada pihak industri. Sindiket akan mengupah tonto untuk mengawasi kawasan pengorekan bagi mengelak kehadiran pihak berkuasa.

Berapakah keuntungan yang diperoleh daripada sindiket ini?
Sindiket ini boleh mengaut keuntungan sehingga jutaan ringgit hasil aktiviti haram ini.

Dengan siapakah kita perlu mendapat keizinan sebelum membuat kerja pengorekan?
Kerja mengorek pasir perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat Tanah dan Daerah.

Adakah peruntukan undang-undang kepada individu atau pihak yang mengorek pasir secara haram?
Ada. Mereka akan disiasat di bawah Akta Kanun Tanah Negara.

Apakah nasihat kepada pihak atau individu yang melakukan kegiatan ini?
Nasihat kepada individu dan pihak yang melakukan perkara ini supaya memberhentikan kegiatan ini serta merta. Kegiatan ini menyusahkan banyak pihak selain memberi kerugian bernilai jutaan ringgit kepada negara. Jangan hanya memikirkan keuntungan semata-mata. Pengorekan pasir ini boleh menjejaskan ekosistem seperti berlakunya banjir yang tidak diduga pada musim hujan.



Aktiviti mengorek pasir sedang dijalankan. - Foto: Sumber internet

LAPORAN MEDIA

4 April 2014
Ipoh: Kerajaan Perak mengkaji untuk menukar penggunaan sistem doket dalam pengeluaran pasir yang dikesan mempunyai kelemahan dan merugikan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata kegiatan mencuri pasir menyebabkan kerajaan Perak menanggung kerugian RM10 juta dalam tempoh 11 bulan pertama tahun lalu.

Katanya, antara cadangan dikaji jawatankuasa yang dipengerusikannya ialah penggunaan sistem kompartmen seperti dipraktikkan dalam pemberian kelulusan kawasan balak.

Walaupun belum ada keputusan dibuat, katanya, saranan itu diteliti termasuk oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) selepas ada pengusaha dikesan menyalahgunakan sistem doket dengan mengeluarkan pasir melebihi kuantiti dibenarkan.

25 Disember 2013
Rawang: Kegiatan mengorek pasir tanpa kawalan dipercayai punca banjir kilat di kawasan projek pembinaan di Jalan Desa 2/3, Bandar Desa Country Homes, di sini, pagi semalam.

Lombong pasir yang membentuk kolam takungan di situ, gagal menampung air hujan menyebabkan tebingnya runtuh dan memasuki Sungai Coh.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata hujan berterusan sejak jam 6 pagi sehingga jam 8 pagi menyebabkan air naik dengan cepat.

"Kejadian tanah runtuh itu mengakibatkan pokok tumbang lalu menghempap sebuah kereta. Manakala sebuah lagi kereta di kawasan tempat letak kenderaan hanya terkena serpihan tanah," katanya.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), memberitahu sebuah syarikat kontraktor pernah didakwa dan mengaku salah di mahkamah kerana mengorek pasir secara haram di kawasan sama lima bulan lalu.

"Terkini, kegiatan itu masih berlaku selepas kes itu. Kegiatan mengambil pasir dari sungai berhampiran Bandar Desa Country Homes itu meninggalkan kesan kepada alam sekitar dan kolam tadahan yang tidak mengikut spesifikasi," katanya.

17 Disember 2013
Susulan pendedahan sindiket curi pasir beroperasi dua tahun lalu di Bandar Sunway Semenyih, satu lagi lokasi dikesan beroperasi lebih setahun lalu dan kali ini bersebelahan kuari Sungai Long dan perumahan di Semenyih.

Difahamkan, tanah kerajaan yang terletak lima kilometer dari lokasi curi pasir di Bandar Sunway itu pernah dikenakan tindakan beberapa kali, kini diurus sindiket lain, yang bertukar tangan setiap kali serbuan dibuat.

Kawasan melombong pasir secara haram seluas 50 hektar tanpa permit dan doket sah sama ada untuk pengeluaran pasir atau bahan buangan kuari, dikatakan mengaut keuntungan sehingga RM12.48 juta setahun iaitu RM1.04 juta sebulan dan RM52,000 sehari hasil operasi dari jam 6 pagi hingga 6 petang.

(Doket adalah dokumen pemindahan bahan batuan dikeluarkan pihak Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) serta dikutip oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk tuntutan royalti).

12 November 2013
Kajang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menahan empat lelaki warga Indonesia keturunan Aceh yang dipercayai digaji secara haram ketika menyerbu lokasi kegiatan mencuri pasir sungai di Sungai Lalang, Semenyih dekat sini, semalam.

Operasi dijalankan selepas SPRM menerima maklumat awam mengenai kegiatan itu yang didalangi satu sindiket, membuat intipan lebih tiga bulan lalu sebelum membuat serbuan.

Sindiket itu didapati menggunakan taktik mengangkut keluar pasir antara jam 8 pagi dan 10 pagi setiap hari atau pada cuti umum bagi mengelak diberkas atau dikesan pihak berkuasa.

Difahamkan, sindiket berkenaan mengaut keuntungan ratusan ribu ringgit sebulan dengan memilih waktu berkenaan yang dianggap paling selamat.

Operasi bermula kira-kira jam 12 tengah hari diketuai Ketua Penolong Kanan Penguasa SPRM Putrajaya Mohd Yussof Zakaria bersama kakitangan Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Jabatan Imigresen Selangor, Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Tanah dan Galian Selangor.

Empat lelaki warga asing berusia antara 24 dan 35 tahun itu ditahan selepas melakukan intipan dan memasang perangkap berhampiran kawasan ladang sawit berdekatan Taman Perindustrian Sri Haneco.